

PENILAIAN TAHAP KEFAHAMAN DAN KEBERKESANAN PROGRAM TAZKIYYAH DALAM KALANGAN ORANG KENA PENGAWASAN (OKP) DI KEDAH

EVALUATION OF THE LEVEL UNDERSTANDING AND EFFECTIVENESS OF TAZKIYYAH PROGRAM AMONG PEOPLE UNDER SUPERVISION (OKP) IN KEDAH

Md Zawawi Abu Bakar¹
Siti Rozaina Kamsani²
Jamaludin Mustaffa³
Noor Azniza Ishak⁴

¹School of Applied Psychology, Social Work and Policy, Universiti Utara Malaysia
(Email: zawawi@uum.edu.my)

²School of Applied Psychology, Social Work and Policy, Universiti Utara Malaysia
(Email: rozaina@uum.edu.my)

³School of Applied Psychology, Social Work and Policy, Universiti Utara Malaysia
(Email: jam@uum.edu.my)

⁴School of Applied Psychology, Social Work and Policy, Universiti Utara Malaysia
(Email: noorazniza@uum.edu.my)

Article history

Received date : 26-9-2021
Revised date : 27-9-2021
Accepted date : 13-10-2021
Published date : 15-10-2021

To cite this document:

Abu Bakar, M. Z., Kamsani, S. R., Mustaffa, J., & Ishak, N. A. (2021). Penilaian Tahap Kefahaman dan Keberkesanan Program Tazkiyyah dalam Kalangan Orang Kena Pengawasan (OKP) di Kedah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(12), 79 - 90.

Abstrak: Di AADK terdapat pelbagai jenis perkhidmatan disediakan untuk program pemulihan. Namun demikian, masih lagi berlaku residivis dalam kalangan penagih selepas keluar daripada pusat pemulihan tersebut. Kini, agensi AADK telah cuba mengimplimentasikan modul spiritual berasaskan agama Islam dalam usaha memilihkan penagih dadah yang dipanggil Modul yang telah dibina oleh AADK negeri Kedah bermula Mac 2017. Sehubungan dengan itu, satu kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan/kefahaman OKP serta menilai keberkesanan dan perkembangan sendiri OKP yang menyertai program Tazkiyyah di seluruh daerah di negeri Kedah. Metodologi kajian menggunakan kaedah kuantitatif di mana sampel yang diambil sebanyak 268 orang responden yang terdiri daripada OKP yang mengikuti program tersebut. Berdasarkan kepada hasil kajian menunjukkan bagi tahap kefahaman terhadap Modul Tazkiyyah secara keseluruhan menunjukkan responden faham tentang modul yang disampaikan dan responden menyatakan program tersebut banyak memberi manfaat kepada mereka. Begitu juga berkaitan penilaian perkembangan sendiri, dapatan kajian juga menunjukkan tahap yang tinggi. Walaupun menunjukkan keberkesanan program yang dijalankan oleh pihak AADK berkesan, pihak AADK perlu peka juga bagaimana untuk mengetasi masalah program ini. Ini kerana ada sebilangan dapatan kajian menunjukkan tahap sederhana. Oleh itu, cadangan-cadangan perlulah dititikberatkan sebagai salah satu faktor bagi menarik ramai OKP untuk mengikuti kusus ini kerana kursus ini banyak memberikan pengajaran kepada mereka dalam usaha memastikan

OKP dapat meningkatkan kesedaran diri dan membentuk sahsiah diri mereka menjadi positif dan tidak mengulangi perkara yang lalu.

Kata Kunci: *Modul Tazkiyyah, Tahap Kefahaman, Keberkesanan, OKP*

Abstract: *At AADK there are various types of services provided for rehabilitation programs. However, there are still recidivists among addicts. Now, the AADK agency has implemented a basic spiritual module of Islam in an effort to select drug addicts who use the module made by AADK Kedah from March 2017. Accordingly, a study was conducted to find out sure of the knowledge / understanding of OKP as well as the effectiveness and self -development of OKP which involves the Tazkiyyah program in all districts in the state of Kedah. The methodology of the study uses a quantitative method in which a sample of 268 respondents who use OKP who follow the program. Tell the results of the study show for the understanding of the Tazkiyyah Module as a whole shows the respondents understand about the module that is delivered and the respondents stated that the program is very beneficial to them. Similarly to the assessment of self -development, the results of the study also showed a high level. The program shows the effectiveness of the program carried out by the AADK is effective, the AADK also needs to be sensitive to overcome the problems of this program. This is because there are a number of study findings that indicate moderate. Therefore, the suggestions should be emphasized as one of the factors to attract many OKP to follow this course because this course gives a lot of lessons to them in an effort to increase their self-awareness and personality shape to be positive and not repeat the past.*

Keywords: *Tazkiyyah Module, Level of Understanding, Effectiveness, OKP*

Pengenalan

Isu penagihan dadah merupakan salah satu masalah sosial yang melanda negara Malaysia masa kini. Najis dadah menyebabkan individu yang terlibat terpaksa hidup dalam keadaan bergantung kepada dadah sepanjang hidupnya. Namun kerajaan melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan tanggungjawab untuk memulihkan ketagihan dadah dalam kalangan penagih dadah. Walau bagaimanapun, usaha dan proses rehabilitasi tersebut bukanlah suatu perkara yang mudah. Kaedah pemulihan secara perubatan, peraturan, psikologi, dan sebagainya telah dijalankan.

Di AADK terdapat pelbagai jenis perkhidmatan disediakan untuk program pemulihan seperti klinik Care and Cure 1 Malaysia, Care, Cure and Rehabilitation Centre (CCRC), Care and Cure service centre, Caring Community House, Care and Cure Vacation Centre, Pusat Triage, Pusat Latihan AADK dan Pusat Intergrasi Klien yang telah banyak rawatan dilakukan dalam bentuk pelbagai bagi memulih dan merawat penagih. Namun demikian, masih lagi berlaku residivis dalam kalangan penagih selepas keluar daripada CCRC.

Walaupun pihak kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar dan mempelbagaikan aktiviti untuk mengurangkan jumlah penagihan, namun usaha ini masih belum dianggap berjaya. Ianya menunjukkan bahawa program-program sedia ada perlu dikaji semula (Siti Norlina et al., 2015). Menurut Siti Norlina (2015), pelbagai pendekatan telah digunakan untuk mengatasi masalah penagihan dadah seperti Rawatan Terapi Gantian (RTG) menggunakan Methadone, latihan ala ketenteraan, rawatan homeopati, pemulihan kerohanian dan spiritual, modifikasi tingkahlaku, pemulihan psikologi, Halaqah, Therapeutic Community

sebagainya. Namun, isu kes penagihan berulang dalam kalangan bekas penagih dadah sentiasa meningkat.

Kini, agensi AADK telah cuba mengimplimentasikan modul spiritual berasaskan agama Islam dalam usaha memilihkan penagih dadah. Modul Tazkiyyah adalah suatu model yang dibina oleh AADK negeri Kedah bermula Mac 2017. Modul ini dikenakan terhadap orang dalam pengawasan atau OPD oleh AADK. Modul ini dilihat menggunakan penghayatan dan amalan dalam aspek keagamaan sememangnya mempunyai hubungan secara langsung dalam kehidupan setiap individu. Dalam Islam, pegangan agama merupakan asas kepada setiap perkara dalam kehidupan. Justeru kaedah atau amalan agama diterapkan untuk membina benteng dan kekuatan dalaman dalam diri ODP. Ia diharapkan sebagai penyembuhan jasmani dan rohani ODP apabila bebas kelak. Melalui kekuatan agama juga membolehkan ODP mengekang diri mereka daripada terjerumus semula kepada penagihan dadah atau residivis.

Sehubungan itu, artikel ini akan membincangkan sebahagian hasil dapatan penyelidikan pengkaji mengenai keberkesanan program tazkiyyah kepada Orang Kena Pengawasan (OKP) yang merangkumi aspek tahap kefahaman terhadap program tazkiyyah serta menilai kesan daripada program dan perkembangan diri OKP itu sendiri setelah mengikuti program tersebut. Hal ini amat penting dibincangkan kerana hasil kajian ini dapat mengemas kini data-data yang sedia ada dan seterusnya dapat membantu merumuskan penambahbaikan terhadap pelaksanaan modul tazkiyyah dalam kalangan ODP di AADK, Kedah yang sebelum ini belum dilakukan penyelidikan secara terperinci. Seperti mana menurut Lewin (1993) penilaian keberkesanan kursus atau program atau modul penting untuk membandingkan strategi manakah yang lebih berkesan dalam memberikan latihan untuk mencapai objektif yang ditetapkan dan apakah penambahbaikan yang diperlukan bagi memantapkan latihan tersebut pada masa akan datang.

Modul Tazkiyyah

Program Tazkiyyah dimulakan secara rasmi di AADK Daerah Kubang Pasu pada Mac tahun 2017. Tazkiyyah bermaksud penyucian jiwa dan rohani atau pembersihan jiwa. Program ini dilakukan dengan kerjasama pihak AADK Daerah Kubang Pasu bersama komuniti iaitu JKPD Daerah Kubang Pasu, Persatuan Guru Takmir Daerah Kubang Pasu, Imam dan Jawatankuasa Masjid terpilih, Pejabat Agama Daerah Kubang Pasu serta Caring Community House (CCH Taman Mahsuri). Pada Masa kini, Program ini telah dijalankan di 7 Buah Masjid, 3 Pejabat Penghulu, CCH Daerah Kubang Pasu dan Pejabat AADK Daerah Kubang Pasu.

Impak daripada modul ini adalah untuk;

- i) Memberi nilai tambah kepada klien-klien AADK Daerah Kubang Pasu dalam mengamalkan ilmu Fardhu Ain dalam kehidupan seharian dengan lebih betul dan tepat.
- ii) Membantu memperbaiki kelemahan dan kesilapan klien-klien dalam mengamalkan ilmu Fardhu Ain dalam kehidupan seharian dengan lebih betul dan tepat
- iii) Para klien dapat mendalami ilmu Fardhu Ain ini dengan lebih mendalam tanpa keraguan
- iv) Mengeratkan silaturrahim dikalangan klien dan masyarakat seterusnya membantu klien kembali berfungsi dalam masyarakat.

Ulasan Karya

Semua agama mempunyai pemulihan dalam mengatasi masalah dadah. Pengharaman dadah ini telah disepakati oleh semua agama yang berada di atas dunia ini dengan menganggap dadah ini banyak membawa lebih banyak perkara negatif daripada positif yang diperolehi. Maklumat dan pendedahan berkaitan bahaya dadah ini haruslah di sebarkan melalui pelbagai saluran dan kaedah terkini. Pusat rawatan pemulihan merupakan sokongan kepada AADK bagi mengatasi

masalah penagihan dadah. Kerjasama semua pihak juga merupakan sokongan bagi mengurangkan statistik penagihan dadah Negara (Sabir & Fadzli, 2014).

Keagamaan mendorong setiap manusia untuk menuju ke arah kebaikan dan menjauhkan diri dari perbuatan keji dan mungkar yang membawa kepada gejala sosial seperti penagihan dadah (Haron Din, 2002). Menurut Gorsuch (1995), Koenig (2009) dan Pardini et al., (2000), aktiviti keagamaan dan kerohanian mampu memberikan sokongan dan perlindungan secara menyeluruh dalam kalangan bekas penagih dadah untuk tidak kembali menggunakan dadah. Kajian yang dilakukan sebelum ini menurut sarjana-sarjana seperti Al-Omari, Hamed dan Abu Tariah (2015) serta Heinz et al., (2010) menunjukkan bahawa penglibatan dalam amalan agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan seseorang itu lebih lama bebas dari mengambil dadah.

Kajian terhadap hubungan keagamaan dengan rawatan pemulihan yang dilakukan Petry et al., (2008) mendapati pelatih yang melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan kekal lebih lama dalam rawatan dan mengemukakan lebih banyak sampel ujian air kencing negatif berbanding mereka yang tidak berminat mengikuti program keagamaan. Sarjana ini menyimpulkan bahawa penglibatan dalam aktiviti keagamaan semasa rawatan dan pemulihan dapat memperbaiki dan meningkatkan kejayaan rawatan.

Mohamad Salleh dan rakan-rakan (2018) telah membuat satu penyelidikan berkaitan keberkesanan pendekatan pengurusan kontingensi atau *contingency management* (CM) dalam meningkatkan keberkesanan program keagamaan pelatih di CCRC. Kajian ini dijalankan di sebuah pusat pemulihan *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) di negeri Selangor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, tiada perbezaan yang signifikan diantara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam tahap keagamaan. Ganjaran CM didapati membantu dalam meningkatkan prestasi hafazan subjek namun, ianya tidak memberikan kesan yang signifikan ke atas tahap keagamaan subjek semasa rawatan di CCRC.

Manakala Abdullah dan rakan-rakan (2017) menjalankan kajian melihat kepada kaedah pemulihan mangsa penyalahgunaan dadah, masalah sosial remaja, serta mereka yang mengalami ketidak tenteraman jiwa untuk kembali ke jalan yang benar menurut perintah Allah yang dilaksanakan oleh Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia (PRI(1)M). Kaedah ini menekankan konsep pembinaan serta bimbingan rohani dan jasmani. Berdasar kepada pemerhatian pengkaji sehingga kini PRI(1)M telah merawat lebih daripada 7000 (70%) remaja yang bermasalah telah berjaya dipulihkan. Walaupun PRI(1)M berhadapan dengan masalah kewangan, pihak PRI(1)M berkemampuan untuk membentuk anak-anak bina yang berwibawa selepas menjalani program pemulihan secara kerohanian. Antara faktor utama yang dapat dikenalpasti ialah tapisan ketat sebelum diterima masuk, sumbangan serta khidmat yang diberi oleh anak-anak bina sendiri yang telah berjaya menjalani pemulihan dan berkhidmat semula bagi membina anak bina yang baru, pendekatan kerohanian, kesungguhan serta keikhlasan pihak pengasas dan juga pihak pengurusan PRI(1)M. Hasil kajian kes ini mendapati bahawa pendekatan kerohanian oleh PRI(1)M mampu dan terbukti berjaya memulihkan penagih tegar. Kejayaan PRI(1)M boleh dijadikan satu model pemulihan penagih tegar.

Siti Norlina dan rakan-rakan (2015) telah menjalankan kajian bagi mengenalpasti persepsi penghuni terhadap program keagamaan serta menilai keberkesanan program keagamaan dalam membantu kejayaan proses rawatan dan pemulihan penghuni serta mengkaji kerelevanan pelaksanaan modul keagamaan di institusi pemulihan untuk diaplikasikan ke institusi pemulihan yang lain yang telah dijalankan di *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) di

Bachok, AADK Daerah Besut, AADK Daerah Kemaman dan CCSC Kuala Terengganu. Seramai 74 responden telah dipilih di kalangan pelatih wanita yang beragama Islam dan menjalani modul keagamaan di CCRC tersebut serta temubual dengan 13 orang responden yang terdiri daripada OKP serta 9 orang kakitangan CCRC, AADK Daerah dan CCSC yang terlibat secara langsung dengan modul tersebut. Dapatan kajian menunjukkan pelatih, OKP dan kakitangan di CCRC Bachok bersetuju bahawa program keagamaan amat penting bagi memastikan penglibatan serta keberkesanan pemulihan menggunakan pendekatan keagamaan.

Rawatan pemulihan dadah berasaskan Islam dilaksanakan oleh pusat yang dikendalikan oleh pihak kerajaan dan swasta telah menunjukkan pemulihan yang memberangsangkan (Mohmood Nazar et.al, 2005). Pemulihan yang memberangsangkan kerana kaedah rawatan yang digunakan seperti pendekatan pondok, pusat rawatan harian dan pusat rawatan dengan menggunakan kaedah berasaskan solat, zikir, mandi taubat dan bimbingan al-Quran dan Fardu Ain telah banyak mengubah pelatih.

Mahmood Nazar (1998) yang menjalankan kajian ke atas Pusat Inabah di Kedah dan Terengganu berkaitan dengan pemulihan dadah menunjukkan hampir keseluruhan pemulihan disitu dilakukan dengan berteraskan agama. Rawatan pemulihan ini berteraskan kepada al-Quran dan hadis dengan menggabungkan kaedah tasawuf (Mahmood Nazar, Din & Ishak, 1998).

Pendekatan kerohanian yang digunakan dalam Islam dilihat sesuai untuk mengembalikan kepada fitrah kejadian manusia. Penyakit rohani tidak boleh dirawat atau diubat dengan menggunakan suntikan ubat, tidak boleh dengan kekerasan dan kekuasaan tetapi harus dibimbing rohani. Menurut ulama tasawuf, kejahatan tidak boleh di hapus dengan pedang. Kejahatan hanya boleh dihapuskan dengan taubat dan al-Quran menunjukkan bahawa penyakit manusia adalah dosa-dosanya dan ubatnya adalah taubat (Shafie, 2006). Menurut Taharem (2004), rawatan pemulihan berbentuk kerohanian adalah jalan terbaik bagi mengatasi masalah penagihan dadah yang dihadapi (Taharem, 2004).

Menurut Mahmood Nazar (2005), kaedah pendekatan kerohanian (spiritual) atau penglibatan agama dan tradisional adalah kaedah rawatan yang semakin popular. Beberapa penyelidik mengakui bahawa individu yang mempunyai pegangan agama yang kuat nyata kurang terlibat dengan dadah, dan jikalau kumpulan ini terlibat dengannya sekalipun, maka pemulihan berbentuk kerohanian adalah sesuai. Walaupun demikian tidak banyak kajian dilakukan untuk membuktikan keberkesanannya.

Selain itu, hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Sudirman (2009) mendapati 61% anak bina pulih selepas menjalani rawatan pemulihan berasaskan metode Inabah. Anak bina boleh memimpin solat dan zikir dan dalam kalangan mereka dilantik sebagai pembina bagi menguruskan pentadbiran di Inabah. Kajian ini menunjukkan fungsi psikologi anak bina lebih meningkat dari segi kawalan semangat dan perasaan, keupayaan kognitif, daya ingatan dan keupayaan berhujah.

Muhammad Yusuf [2008] menegaskan bahawa seorang penagih dadah sering dipercayai terlibat dengan dadah kerana ia tidak mempunyai kehidupan kerohanian yang kukuh, dan dengan itu kehidupan kerohanian yang kukuh bukan hanya dapat mencegah seseorang itu dari terlibat dengan dadah, malah ia boleh memberi rawatan dan pemulihan yang berkesan untuk penagih dadah.

Ketidakeberkesanan pemulihan dadah yang menggunakan pendekatan agama juga dilihat kerana menurut Juani Munir (2013) dalam laporan Utusan Online wujud segelintir masyarakat yang memandang serong terhadap pemulihan dadah berteraskan agama kerana kejayaan kaedah tersebut dianggap tidak berasaskan bukti saintifik.

Tri Anggun dan Muji Sulistyowati (2012) telah menjalankan satu kajian yang berkaitan '*Analysis of Drug Abuse in Adolescents Behaviour Based on Transtheoretical Model*'. Kajian ini dijalankan untuk menerangkan tingkah laku remaja yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah berpandukan model teori Transteoritik. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 70% responden mempunyai ilmu pengetahuan tahap sederhana dan 84% responden pula mempunyai tahap tinggi dari segi sikap yang baik. 37% pula pernah menggunakan dadah untuk kajian eksperimen. Jika dilihat berdasarkan model teori Transteoritik, 13.5% berada di peringkat pra-pertimbangan (*precontemplation*), 8.1% di tahap pertimbangan (*contemplation*), 27% di peringkat tindakan (*action*) dan majoriti iaitu sebanyak 51.4% di peringkat pengekalan (*maintenance*). Kesimpulan yang dapat dibuat oleh pengkaji tentang kajian ini menunjukkan responden tidak menghayati ilmu pengetahuan yang diberikan tentang penyalahgunaan dadah dan tingkah laku yang sihat.

Metodologi Kajian


Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan borang soal selidik. Sampel kajian ini adalah sebanyak 268 orang responden yang terdiri OKP (pemilihan sampel berdasarkan kepada cadangan daripada pihak AADK, Kedah) yang mengikut program tazkiyah di semua daerah di Kedah (11 daerah). Pemilihan negeri Kedah kerana modul ini telah dipraktikkan di negeri Kedah. Instrumen dalam kajian ini telah diadaptasikan daripada kajian-kajian lepas mengikut kesesuaian kajian yang mengambil kira pemboleh ubah berkaitan tahap keberkesanan program tazkiyah itu sahaja. Pemprosesan data dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS 23.0 untuk memaklumkan gambaran sebenar berdasarkan kepada hasil dapatan kajian.

Hasil Kajian

Tahap Kefahaman OKP Terhadap Modul Tazkiyah

Secara keseluruhannya Graf Bar 1 menunjukkan tahap kefahaman atau pengetahuan OKP terhadap Modul Tazkiyah menunjukkan keseluruhannya memahami modul tersebut. Begitu juga dari item-item kandungan modul, rata-rata OKP memahami dan mengetahui apa yang terkandung dalam modul tersebut. Berkenaan crosstab di antara daerah dengan kefahaman, menunjukkan kesemua daerah responden menyatakan mereka faham tentang modul tersebut kecuali di daerah Padang Terap dan Yan menunjukkan responden kurang faham tentang modul tersebut.


Graf Bar 1: Tahap Kefahaman dan Crosstab antara Daerah



Penilaian Terhadap Kesan Program Tazkiyyah

Dapatan kajian di Graf Bar 2 bagi penilaian tentang program ini yang dijalankan memberi manfaat atau tidak kepada mereka menunjukkan majoritinya iaitu sebanyak 60.4% (126) responden menyatakan setuju bahawa program ini amat berkesan kerana sangat membantu menyedarkan diri mereka untuk menjadi seseorang yang berguna dan telah memberi manfaat kepada mereka untuk digunakan pada masa akan datang. Manakala berkaitan dengan crosstab di antara daerah dengan keberkesanan program, juga menunjukkan keseluruhan daerah menyatakan program tersebut berkesan kecuali di daerah Yan dan Padang Terap menunjukkan responden menyatakan program yang dianjurkan oleh AADK kurang berkesan.


Graf Bar 2: Penilaian Keberksanan dan Crostab antara Daerah



Penilaian Perkembangan Diri

Bagi dapatan kajian berkaitan penilaian perkembangan diri responden secara keseluruhannya Graf Bar 3 menunjukkan tahap yang tinggi (positif) iaitu sebanyak 74.3% (199) responden. Berkenaan crostab di antara daerah dengan penilaian perkembangan diri, juga menunjukkan kesemua daerah menunjukkan perkembangan diri yang positif kecuali di daerah Yan dan Padang Terap menunjukkan tahap perkembangan diri adalah sederhana.

Graf Bar 3: Penilaian Perkembangan Diri dan Crostab antara Daerah



Perbincangan

Hasil kajian secara keseluruhannya menunjukkan kebanyakan OKP yang mengikuti modul Tazkiyyah secara keseluruhannya memahami isi kandungan modul takziyah yang disampaikan kepada mereka. Dapatan ini menyokong kajian yang pernah di lakukan oleh Tri Anggun dan Muji Sulistyowati (2012), apabila sesuatu program keagamaan dapat difahami oleh semua yang terlibat, ini menunjukkan pelaksanaan program pemulihan melalui 'track' yang betul sepertimana yang ditetapkan dalam sesuatu Modul. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa responden memahami program tersebut adalah program keagamaan yang bertujuan untuk memberi terapi kerohanian dalam menyuci jiwa mereka bagi aspek fizikal, sikap, tingkah laku, kognitif dan kerohanian penghuni yang berpandukan kepada asas pengetahuan Islam. Selain

itu, mereka juga memahami modul yang disediakan khas untuk mereka sahaja (kes jenayah penagihan dan pengedaran dadah) dan mengetahui terdapat lima (5) fasa dalam modul tersebut. Penilaian tentang keberkesanan program Tazkiyyah secara keseluruhannya menunjukkan responden menyatakan program tersebut banyak memberi manfaat kepada mereka. Dapatan ini menyokong kajian-kajian yang dilakukan oleh Haron Din, (2002). Menurut Gorsuch (1995), Koenig (2009) dan Pardini et al., (2000) yang menyatakan aktiviti keagamaan dan kerohanian mampu memberikan keberkesanan secara menyeluruh dalam kalangan bekas penagih dadah untuk tidak kembali menggunakan dadah. Begitu juga pendapat Al-Omari, Hamed dan Abu Tariah (2015) serta Heinz et al., (2010) menunjukkan bahawa penglibatan dalam amalan agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan seseorang itu lebih lama bebas dari mengambil dadah. Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa kandungan modul dalam Tazkiyyah sangat membantu menyedarkan mereka untuk menjalani kehidupan sebenar serta membentuk sahsiah diri mereka menjadi lebih positif dan lebih baik. Ini kerana program tersebut telah berjaya memulihkan sikap dan tingkah laku OKP menjadi lebih positif serta menjadikan diri OKP lebih berdisiplin dan patuh kepada semua peraturan dan arahan. Selain itu keberkesanan program Tazkiyyah ini juga dilihat berdasarkan kepada mereka mula sedar kewajipan agama yang ditinggalkan sebelum ini telah mendisiplinkan diri mereka untuk sentiasa menunaikan kewajipan beragama serta mendidik untuk sentiasa beribadah kepadaNya.

Berkaitan dengan penilaian perkembangan sendiri, dapatan kajian juga menunjukkan tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian yang dilakukan oleh Abdullah dan rakan-rakan (2017) yang menyatakan pendekatan agama mampu membina kerohanian dan pembentukan sahsiah diri bekas penagih. Hasil kajian kes ini mendapati bahawa pendekatan kerohanian oleh PRI(1)M mampu dan terbukti berjaya memulihkan penagih tegar dan membentuk semula keperibadian seseorang penagih. Begitu juga pendapat Mohmood Nazar et.al (2009), rawatan pemulihan dadah berasaskan Islam dilaksanakan oleh pusat yang dikendalikan oleh pihak kerajaan dan swasta telah banyak menunjukkan pemulihan yang memberangsangkan sehingga mampu membentuk sahsiah diri seseorang menjadi lebih baik dan positif. Ini kerana pendekatan pondok, pusat rawatan harian dan pusat rawatan dengan menggunakan kaedah berasaskan solat, zikir, mandi taubat dan bimbingan al-Quran dan Fardu Ain telah banyak mengubah pelatih. Oleh itu, dapatlah dibincangkan bahawa program Tazkiyyah telah banyak membantu mengubah perkembangan sendiri responden di mana responden dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri setiap individu serta mengenali peluang dan juga ancaman yang akan dihadapi selepas tempoh OKP. Selain itu, kursus perkembangan sendiri ini juga membantu mereka dalam membuat perancangan terhadap perkembangan diri bagi menghadapi proses pemantapan diri untuk masa akan datang, membantu OKP untuk melalui proses penyesuaian sendiri dalam komuniti setempat samada tempat lama atau baharu, membantu dalam merangka kaedah pembentukan semula tingkah laku dan pemantapan perubahan tingkah laku, membantu untuk membuat penilaian terhadap sikap seseorang individu, membantu bagi persediaan diri individu, membantu dalam mengenalpasti kestabilan mental OKP serta membantu dalam mengenalpasti tahap kesihatan mental yang boleh digunapakai untuk menilai tingkahlaku OKP.

Walaupun kajian menunjukkan keberkesanan dan menunjukkan perkembangan sendiri responden positif, namun ada juga kelemahan yang perlu diatasi yang bertujuan untuk memantapkan program ini pada masa akan datang. Bagi mengatasi kelemahan ini, cadangan yang diberikan oleh responden perlulah diberi perhatian oleh pembuat polisi dan pelaksanaan. Antara cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut;

- 1) Implimentasikan Modul Tazkiyyah kepada semua CCRC di seluruh negara kerana banyak membawa manfaat kepada perubahan diri OKP.

- 2) Melantik tenaga pengajar dari pelbagai latar belakang yang sesuai serta tenaga pengajar perlulah silih berganti.
- 3) Perlaksanaan kumpulan yang bersaiz kecil (7 hingga 8 orang) yang bertujuan untuk menghasilkan program tersebut menjadi lebih efektif.
- 4) Penambahan aktiviti-aktiviti lain seperti riadah, lawatan dan bersukan
- 5) Tazkiyyah sebagai modul spiritual/agama selepas keluar CCRC dan lanjutan daripada modul Isra' dalam CCRC'
- 6) Kesesuaian masa program Tazkiyyah memandangkan responden terlibat dengan pekerjaan pada waktu program dilaksanakan.
- 7) Penekanan program tersebut perlu juga menekankan kepada aspek kursus amali.
- 8) Perbanyakkan cerita-cerita tentang Islam dan berkait dengan Al-Quran dan Hadith.
- 9) Jadual program perlulah mengikut keadaan OKP juga kerana kebanyakan OKP bekerja.
- 10) Program perlu dilakukan dipelbagai tempat

Kesimpulan

Kesimpulannya kajian ini melibatkan sampel dalam kalangan OKP iaitu seramai 268 orang responden. Berdasarkan kepada hasil kajian menunjukkan bagi tahap kefahaman terhadap Modul Tazkiyyah secara keseluruhan menunjukkan mereka faham tentang modul yang disampaikan dan responden menyatakan program tersebut banyak memberi manfaat kepada mereka. Begitu juga berkaitan penilaian perkembangan sendiri, dapatan kajian juga menunjukkan tahap yang tinggi. Walaupun menunjukkan keberkesanan program yang dijalankan oleh pihak AADK berkesan, pihak AADK perlu peka juga bagaimana untuk mengetasi masalah program ini. Ini kerana ada sebilangan dapatan kajian menunjukkan tahap sederhana. Oleh itu, cadangan-cadangan perlulah dititikberatkan sebagai salah satu faktor bagi menarik ramai OKP untuk mengikuti kesusni kerana kursus ini banyak memberikan pengajaran kepada mereka dalam usaha memastikan OKP dapat meningkatkan kesedaran diri dan membentuk sahsiah diri mereka menjadi positif dan tidak mengulangi perkara yang lalu.

Rujukan

- Abdullah Abdul Ghani et all (2017) Kepentingan pendekatan kerohanian sebagai kaedah rawatan penagih tegar dadah: Kewujudan dan inisiatif Pondok Remaja Inabah 1 Malaysia (PRI(1)M). *Journal of Advanced Research in Business and Management Studies*, 7(1), 39-50.
- Al-Omari, H., Hamed, R., & Abu Tariah, H. (2015). The Role of religion in the recovery from alcohol and substance abuse among Jordanian adults. *Journal of Religion and Health*, 54(4), 1268–1277.
- Gorsuch, R. L. (1995). Religious Aspects of Substance Abuse and Recovery. *Journal of Social*, 40 Issues, 51(2), 65–83.
- Haron Din. (2002). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heinz, A. J., et all (2010). A focus-group study on spirituality and substance-user treatment. *Substance Use & Misuse*, 45(1–2), 134–153.
- Koenig, H. G. (2009). Research on religion, spirituality, and mental health: A review. *The Canadian Journal of Psychiatry*, 54(5), 283–291.
- Lewin, K. (1993). *Evaluating training programs: The four levels*. San Francisco: Berrett-Koehler.
- Lowinson, J et all (2005). *Substance abuse: A comprehensive textbook*. Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins.

- Mahmood Nazar Mohamed (2005). *Mencegah, merawat & memulihkan penagihan dadah: beberapa pendekatan dan amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahmood Nazar Mohamed, Md Shuaib Che Din & Ismail Ishak (1999). "Keberkesanan rawatan dan pemulihan penagihan dadah: Modaliti kerohanian dan tradisional di Malaysia". Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed, Maizurah Zakaria & Salleh Hj. Ghani. 2009. Keberkesanan Modul Model Matrix Untuk Pemulihan Penagih Dadah Dalam Setting Komuniti: Laporan Kajian Perintis Di AADK Muar, Kota Bahru Dan Kota Kinabalu. *Jurnal Antidadah*. Hal 1-16.
- Mohamad Salleh Abdul Ghani, Mohamad Isa Amat, Mohamad Khairul Anuar Rahimi & Haslee Sharil Lim Abdullah (2018). Pelaksanaan Intervensi Pengurusan Kontingensi (CM) Dalam Meningkatkan Keberkesanan Program Keagamaan Di CCRC. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3(13), 28-41.
- Pardini, D. A., et all (2000). Religious faith and spirituality in substance abuse recovery: Determining the mental health benefits. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 19(4), 347-354.
- Portal Laman Web Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (2018). Pematuhan syarat-syarat pengawasan Orang Kena Pengawasan (OKP). AADK. Atas talian <https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/PEMATUHAN-SYARAT-SYARAT-PENGAWASAN-ORANG-KENA-PENGAWASAN-OKP.pdf>
- Sabir Abdul Ghani & Fadzli Adam (2014). Drugs abuse and rehabilitation in religion in Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 6 (1), 75-85.
- Stufflebeam, D.L. (1987) Professional Standards for Assuring the Quality of Educational Program and Personnel Evaluations. "International Journal of Educational Research," 11(1), 125-143.
- Shafie, U. H. (2006). Rawatan penagihan dadah: pendekatan kerohanian menggunakan metode Thoriqat Qadiriyyah Wan Naqsabandiyyah. In M. N. Mohamed et.al, *Mencegah, Merawat & Memulihkan Penagihan Dadah beberapa pendekatan dan amalan di Malaysia* (p. 22). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Siti Atiqah Sharudin (2008). *Faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bengkel vokasional di dua buah sekolah menengah teknik di Negeri Sembilan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Norlina et all (2015). Keberkesanan rawatan pemulihan dadah menggunakan pendekatan keagamaan: Kajian dalam kalangan pelatih wanita di CCRC Bachok (Kelantan), AADK Besut, AADK Kemaman dan CCSC Kuala Terengganu (Terengganu). *Jurnal Antidadah Malaysia*, 9 (1), 1-16.
- Sudirman, A. F. (2009). *Proses Pemulihan Penggunaan Dadah Melalui Pendekatan Pusat Pemulihan Pondok Remaja Inabah Kedah dan Terengganu*. Tesis Phd. Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Taharem (2004). *Menagani penyalahgunaan & penagihan dadah menurut Islam*. Rawang: Penerbit Minda Ikhwan.
- Tri Anggun & Muji Sulistyowati (2012). Analysis of drug abuse in adolescent behaviour based on transtheoretical model. *Media Jurnal Promkes*, Vol. 1, No. 1,